

1. Pasukan bola sepak Panji Setia terpaksa \_\_\_\_\_ kerana tiada penaja.



- ☐ A dibubarkan
- ☐ B dihapuskan
- ☐ C dilenyapkan
- ☐ D dimansuhkan

2. Sekumpulan pegawai polis telah diarahkan untuk \_\_\_\_\_ kes pembunuhan yang melibatkan anak orang kenamaan itu.

- ☐ A melihat
- ☐ B menggali
- ☐ C menyiasat
- ☐ D memproses

3. Helikopter Pertubuhan Palang Merah Antarabangsa itu \_\_\_\_\_ peti bekalan makanan untuk diagihkan kepada mangsa tsunami.

- ☐ A melontarkan
- ☐ B menjunamkan
- ☐ C menyingkirkan
- ☐ D menggugurkan

4. Sepasukan anggota Maritim mengawasi kawasan sempadan perairan negara agar tidak \_\_\_\_\_ oleh nelayan-nelayan asing.

- ☐ A diusik
- ☐ B dikawal
- ☐ C diganggu
- ☐ D diceroboh

5. Mak Esah sedang \_\_\_\_\_ baju anaknya yang koyak dengan menggunakan benang yang dibeli dari kedai Pak Atan.

- ☐ A menjalin
- ☐ B menjahit
- ☐ C menenun
- ☐ D menganyam

6. "Surat permohonan pinjaman pendidikan ini hendaklah \_\_\_\_\_ oleh pensyarah kamu sebelum dihantar kepada saya," kata pegawai itu kepada Badrul.

- ☐ A disahkan
- ☐ B ditetapkan
- ☐ C disediakan
- ☐ D ditandakan

7. Penduduk Kampung Warisan itu hanya \_\_\_\_\_ pada hasil hutan sebagai mata pencarian untuk meneruskan kehidupan mereka.

- ☐ A berpaut
- ☐ B bergayut
- ☐ C berpegang
- ☐ D bergantung

8. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Abang \_\_\_\_\_ di sofa kerana kepenatan setelah bekerja seharian.

- ☐ A tertiarap
- ☐ B terduduk
- ☐ C terbaring
- ☐ D terperosok


9. Pasukan bola sepak Selangor berjaya \_\_\_\_\_ permainan itu dalam separuh masa pertama.

- ☐ A mengatasi
- ☐ B melindungi
- ☐ C menguasai
- ☐ D menangani

10. Pihak polis berjaya menangkap penjenayah itu selepas gambarnya \_\_\_\_\_ dalam akhbar-akhbar tempatan.

- ☐ A terkeluar
- ☐ B terhampar
- ☐ C terbentang
- ☐ D terpampang

11. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Bola yang \_\_\_\_\_nya ke dinding itu \_\_\_\_\_ lalu terkena kepalanya.

- ☐ A dibaling ... melantun
- ☐ B dilibas ... menyentuh
- ☐ C dicampak ... melontar
- ☐ D dilontar ... menghentam

12. Sebagai pengguna jalan raya, kita hendaklah \_\_\_\_\_ peraturan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

- ☐ A memiliki
- ☐ B mematuhi
- ☐ C menaungi
- ☐ D memayungi

13. Betis Pak Mail \_\_\_\_\_ oleh seekor ular tedung sewaktu dia sedang menoreh getah lebunya.

- ☐ A digerit
- ☐ B dipatuk
- ☐ C disentuh
- ☐ D dibaham

14. Jasa perajurit-perajurit yang berkorban nyawa semasa menentang penjajah suatu ketika dahulu akan tetap kami \_\_\_\_\_ sepanjang hayat.

- ☐ A ingini
- ☐ B harga
- ☐ C fahami
- ☐ D terokai

15. Badan kebajikan masyarakat mengadakan kempen itu untuk \_\_\_\_\_ orang ramai menyertai kegiatan sukarelawan.

- ☐ A menggaulkan
- ☐ B menggalakkan
- ☐ C menggerakkan
- ☐ D menggulingkan

16. Wakil rakyat itu berjanji untuk \_\_\_\_\_ masalah sampah yang dihadapi oleh penduduk Taman Seroja secepat mungkin.

- ☐ A mengotakan
- ☐ B menunaikan
- ☐ C mengerjakan
- ☐ D menyelesaikan

17. Haikal, Rajesh, dan Vincent berjaya menemukan jalan keluar dari hutan yang tebal itu dengan \_\_\_\_\_ peta yang dibawa mereka.

- ☐ A berlandaskan
- ☐ B berpandukan
- ☐ C berdasarkan
- ☐ D berasaskan

18. Pembinaan lebuhraya itu telah \_\_\_\_\_ belanja berbelas-belas juta ringgit.

- ☐ A menelan
- ☐ B mencakup
- ☐ C meningkat
- ☐ D mengambil

19. Persatuan Bahasa Melayu itu mengadakan perjumpaan pada setiap hari Isnin untuk membincangkan aktiviti-aktiviti bulanan yang akan \_\_\_\_\_ oleh persatuan mereka.

- ☐ A dianjurkan
- ☐ B dirasmikan
- ☐ C dilancarkan
- ☐ D dicadangkan

20. Kelakuan dan pakaian segelintir remaja pada masa ini jelas sekali \_\_\_\_\_ dengan budaya masyarakat kita.

- ☐ A beraliran
- ☐ B bertepatan
- ☐ C bertentangan
- ☐ D bersangkutan